

**KENYATAAN YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI
MESYUARAT MAJLIS PENUH
28 SEPTEMBER 2012**

1. ZON LARANGAN MENJAJA DI SEBERANG PERAI

MPSP telah pun mewujudkan zon larangan menjaja di kawasan-kawasan terpilih di Seberang Perai. Ia merupakan salah satu program yang termasuk di bawah Fokus MPSP bagi tahun 2012. Kawasan yang telah dikenalpasti bagi zon larangan menjaja dan dijadikan kawasan bebas penjaja haram. Kawasan yang dikenalpasti ini merupakan kawasan tumpuan orang ramai. Zon larangan menjaja ini adalah sebahagian dari Fokus MPSP 2012 untuk menyediakan satu kawasan yang bersih dan teratur. Ianya juga adalah untuk mewujudkan kawalan penjaja yang lebih teratur.

Bil.	Kawasan	Sempadan
1.	Bandar Perda	Bermula dari simpang McD-sepanjang Jalan Perda Utama sehingga lampu isyarat Balai Polis Perda - sebahagian Jalan Perda Barat yang bermula dari persimpangan Masjid Perda –TNB (bersambungan dengan Jalan Permatang Batu)
2.	Bandar Sunway	Sebahagian Jalan Todak yang bermula dari persimpangan Jalan Todak 5 hingga Lebuhraya Butterworth – Kulim, Jalan Todak 2, Jalan Todak 3, Jalan Todak 4 dan Jalan Todak 5
3.	Bandar Butterworth	Sepanjang Jalan Bagan Luar dan jalan-jalan sekeliling Dewan Dato' Haji Ahmad Badawi
4.	FIZ Perai	Keseluruhan Kawasan FIZ Perai
5.	Penang Science Park	Keseluruhan Kawasan Penang Science Park

peta lokasi/sempadan zon larangan menjaja seperti dilampirkan

MPSP akan menjalankan aktiviti penguatkuasaan di kawasan yang telah dinyatakan. Para peniaga dinasihatkan agar mencari tapak perniagaan yang lebih bersesuaian dan boleh hadir ke temuduga terbuka kompleks makanan bagi pengisian ruang niaga MPSP.

2. SAMBUTAN HARI LANDSKAP NEGARA 2012 PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG

Adalah dimaklumkan, sambutan Hari Landskap Negara 2012 Peringkat Negeri Pulau Pinang akan diadakan pada 6 dan 7 Oktober 2012 (Sabtu - Ahad) di Taman Awam, Vision Park, Bertam. Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama (Dr) Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang dan Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng, Ketua Menteri Pulau Pinang akan turut hadir merasmikan Majlis Pembukaan Hari Landskap Negara 2012 Peringkat Negeri Pulau Pinang pada 6 Oktober 2012 (Sabtu). Pelbagai acara menarik seperti Pertandingan Mewarna Kanak-Kanak, Pertandingan Gubahan Bunga, Pameran landskap / jualan, Pertandingan Memancing, "*Horse Riding*" disediakan kepada pengunjung. Orang ramai dijemput untuk memeriahkan hari sambutan tersebut.

3. OPERASI WARAN TAHANAN BAGI TUNGGAKAN CUKAI TAKSIRAN

Dimaklumkan bahawa mulai 10 Oktober 2012, MPSP akan melaksanakan operasi waran tahanan ke atas pembayar cukai yang masih gagal menjelaskan cukai taksiran dalam tempoh yang telah ditetapkan. Pemilik premis berkenaan diminta agar menjelaskan tunggakan cukai tersebut bagi mengelakkan harta mereka daripada disita dan seterusnya akan dilelong bagi tujuan menyelesaikan tunggakan tersebut. Pemilik premis boleh hadir ke pejabat MPSP Bandar Perda atau menghubungi terus pegawai di talian 04-5497470 / 471 sekiranya terdapat sebarang pertanyaan atau masalah berhubung tunggakan premis masing-masing.

4. SENAMROBIK BERSAMA MPSP

Sukacita di sini, saya ingin memaklumkan bahawa program Senamrobik Bersama MPSP akan diadakan pada 30/9/2012 (Ahad) bertempat di Taman Tugu, Mak Mandin, jam 7.30 pagi manakala pada 7/10/2012 jam 7.30 pagi akan diadakan di Taman Tunku, Seberang Jaya.

5. PROGRAM LA21

Di sini saya ingin memaklumkan beberapa program LA 21 yang akan diadakan seperti berikut:

BIL	TARIKH	PERKARA
5.1	30 Sept 2012 (Ahad)	<p>Majlis Penyampaian Cenderahati Kepada Peserta Program Membuat Sisa Dapur Organik CIMB Masa : 10.00 pagi Tempat : Taman Bagan Lalang, Butterworth</p> <p> </p> <p>Majlis Perasmian Pengurusan Kitar Semula & Membuat Kompos Sisa Organik Dapur CIMB Masa : 3.00 petang Tempat : Dewan KAFA, Permatang Nibong</p>
5.2	4 Okt 2012 (Khamis)	<p>Pelancaran Sisa Sifar di Sek. Men Sains Bukit Mertajam Masa : 9.00 pagi Tempat : Dewan Sek. Men Sains Bukit Mertajam</p>

SEKIAN, TERIMA KASIH.


ZON LARANGAN MENJAJA KAWASAN BANDAR PERDA




ZON LARANGAN MENJAJA KAWASAN BANDAR SUNWAY



ZON LARANGAN MENJAJA KAWASAN BANDAR BUTTERWORTH



ZON LARANGAN MENJAJA KAWASAN FIZ PERAI



ZON LARANGAN MENJAJA KAWASAN PERINDUSTRIAN PENANG SCIENCE PARK

